

| | |
|---|---|
| <p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Baca Lembaran Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise. Baca Terma dan Syarat yang Mengawal Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise)</p> | <p>Public Islamic Bank Berhad 197301001433 (14328-V)</p> <p>Nama Produk Ditawarkan: Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise</p> <p>Tarikh: 1 September 2020</p> |
| <p>1. Apakah produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise adalah penyelesaian Perkhidmatan Pengurusan Tunai Bersepadu yang ditawarkan oleh Bank bagi memudahkan proses pemungutan dan belum terima untuk <i>Pelanggan</i>[#]. Akaun Maya adalah akaun bank bukan fizikal yang sah yang boleh ditentukan oleh Pelanggan kepada Pemegang Serah Hak^{##} yang merupakan pelanggan kepada Pelanggan itu sendiri misalnya penyumbang, pembeli atau penyewa utama. Akaun Maya ialah akaun yang mempunyai sepuluh (10) digit bermula dengan digit sifar "0" yang dikeluarkan oleh Bank bagi Pelanggan untuk diberi kepada pelanggannya sendiri. <p>[#] "Pelanggan" hendaklah bermaksud entiti korporat; iaitu keempunyaan tunggal, syarikat, persatuan, pertubuhan atau perkongsian.</p> <p>^{##} "Pemegang Serah Hak" hendaklah bermaksud pelanggan kepada Pelanggan itu sendiri iaitu seseorang atau entiti yang Pelanggan telah memberikan nombor Akaun Maya.</p> | |
| <p>2. Apakah yang diperoleh oleh Pelanggan daripada produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Mudah untuk memohon dan tidak memerlukan pembukaan akaun baharu. Memudahkan proses pemungutan belum terima Menambah baik waktu pusing balik perniagaan untuk penyesuaian akaun, aliran tunai dan modal kerja. Meningkatkan perakaunan perniagaan dengan proses yang lebih baik untuk penyatuan dan pengesanan pembayaran daripada Pemegang Serah Hak yang sama. Mengurangkan proses pentadbiran dan manual melibatkan cek dan pungutan tunai. Kebolehubahan untuk mentakrif dan mengurus profil Akaun Maya melalui PB enterprise. Urus niaga Akaun Maya boleh diperoleh dalam masa nyata daripada PB enterprise. Laporan urus niaga Akaun Maya setiap bulan boleh dikeluarkan melalui PB enterprise. | |
| <p>3. Apakah terma dan syarat utamanya?</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk layak untuk menggunakan Perkhidmatan Akaun Maya, seorang Pelanggan mula-mula sekali hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> Mendaftar untuk Akaun Semasa Korporat; <u>dan</u> Memohon untuk perkhidmatan Pakej Premium PB enterprise. | |

3. Apakah terma dan syarat utamanya?, samb.

- Setiap Akaun Maya akan dirangkaikan kepada satu (1) Akaun Semasa Korporat yang ditentukan bagi tujuan masukan perakaunan.
- Terma dan Syarat yang mengawal Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise boleh diakses melalui laman web PBe.

4. Apakah kaedah pembayaran dalam Akaun Maya?

- Tunai
- Cek
- Pindahan Dana Intra Bank
- Pindahan Dana GIRO Antara Bank (IBG)
- Pindahan Segera Antara Bank (IBFT)

5. Apakah saluran yang ada untuk membuat deposit dalam Akaun Maya?

- Di kaunter (OTC)
- Terminal Layan Diri (SST) iaitu Mesin Teler Automatic (ATM), Mesin Pungutan Tunai (CCM), Mesin Kitar Semula Tunai (CRM) dan Mesin Deposit Cek (CDM)
- Perbankan dalam Talian / Perbankan Mudah alih

6. Apakah proses untuk deposit dalam Akaun Maya?

- Pemegang Serah Hak perlu meletakkan deposit dalam Akaun Maya melalui saluran-saluran seperti yang disenaraikan dalam Perkara 5.
- Dana apabila didepositkan dalam Akaun Maya akan dilalukan dengan serta-merta dalam Akaun Induk mengikut sumber pendebitan kaedah pindahan.
- Urus niaga Akaun Maya yang berjaya boleh dilihat dengan serta-merta dalam Akaun Induk melalui PB enterprise.

Nota: Tiada pengeluaran dibenarkan daripada Akaun Maya.